



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**TUKANG MENGAMBIL DARAH (E.1-2-3 EB.4)
JABATAN PERKHIDMATAN KESIHATAN ALAM SEKITAR
KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



- 1. TUKANG MENGAMBIL DARAH
JABATAN PERKHIDMATAN KESIHATAN ALAM SEKITAR
KEMENTERIAN KESIHATAN
E.1-2-3 EB.4 (\$515 - \$875 SEBULAN)
KEKOSONGAN = TIGA (03)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Lulus Penilaian Menengah Bawah (PMB) atau sebanding.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Kesihatan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

2. Mempunyai pengalaman dalam bidang yang berkaitan adalah kelebihan.

3. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.

4. Mempunyai pengetahuan di dalam perisian-perisian komputer seperti *Microsoft Office, Excel, Words* dan sebagainya adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Dikehendaki menjalankan tugas yang telah diarahkan di bawah pengawasan pegawai yang dipertanggungjawabkan;
2. Bertugas di kampung-kampung pedalaman untuk membuat pengambilan contoh-contoh darah dari penduduk kampung untuk kajian dan analisis makmal;
3. Calon-calon yang terpilih dan dilantik juga mestilah bersedia bertugas secara bermalam di kawasan-kawasan pedalaman;



4. Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa dan di mana saja apabila diperlukan dan diarahkan oleh Ketua Unit atau Bahagian terutama sekali apabila terjadinya sebarang kes jangkitan;
5. Bersedia untuk bertugas ke klinik-klinik dan ke pusat-pusat pengambilan contoh-contoh darah mengikut giliran dan jadual yang diatitkan untuk mengambil contoh-contoh darah dan menyediakan spesimen untuk dihantar ke makmal;
6. Mengambil contoh-contoh darah pesakit dan menghantar spesimen ke makmal jika diperlukan;
7. Memastikan tempat bekerja sentiasa dalam keadaan bersih dan teratur; dan
8. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diarahkan oleh Ketua Unit atau pegawai atasan dari semasa ke semasa.